

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR  
A/L ARULANANDAM [KUALA LANGAT]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM [ KUALA LANGAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini serta kos keseluruhan LRT3. Bila projek dijangka siap dan anggaran pelangan yang akan menggunakan perkhidmatan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek LRT3 ataupun LRT Laluan Shah Alam adalah merupakan laluan ketiga dalam sistem LRT Lembah Klang. Laluan sepanjang 37.8 km ini akan menghubungkan Bandar Utama di Damansara ke Johan Setia di Klang. Sebanyak 20 stesen akan dibina manakala 5 buah stesen *provisional* telah dirancang dalam projek ini untuk dibina pada masa akan datang. Projek yang bermula pada November 2015 ini telah dikaji semula dan diteruskan dengan kos keseluruhan dijimatkan kepada RM16.63 bilion berbanding RM31.65 bilion sebelum ini. Projek LRT3 ini dijangka akan siap sepenuhnya menjelang Februari 2024.
2. Sehingga 31 Julai 2021, kemajuan keseluruhan projek adalah sebanyak 58.59%. Dianggarkan purata 67,000 orang sehari akan menggunakan LRT3 pada tahun 2024 dan dijangka terus meningkat kepada 126,000 orang sehari menjelang tahun 2030.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Seperti yang kita semua sedia maklum, penularan wabak COVID-19 yang melanda dunia pada ketika ini telah memberi kesan kepada semua sektor dan industri termasuklah sektor pembinaan infra. Hal ini sedikit sebanyak telah menjaskankan kemajuan projek-projek rel ini. Namun begitu, pelaksanaan Projek LRT3 akan terus dipantau bagi memastikan ianya dapat disiapkan mengikut perancangan dan mematuhi piawaian-piawaian yang telah ditetapkan serta selamat digunakan.

Sekian, terima kasih.